



جابن مفتی نكري فیع

قوله تعالى:

فَسَأَلُوا أَهْلَ الْذِكْرِ إِنْ كُنْتُمْ لَا تَعْلَمُونَ

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Soalan :

Salam, saya nak tanya, bolehkah kalau hendak melupuskan wang tak patuh syariah dengan memberi kepada kawan-kawan atau family yang memerlukan (bukan kategori terlalu miskin) atau derma sendiri kepada badan-badan kebajikan, tanpa memberi kepada Baitulmal...

Dan boleh saya tahu apakah tahap fakir miskin yang dimaksudkan?

وعليكم السلام ورحمة الله وبركاته

Jawapan :

Alhamdulillah terima kasih atas soalan yang telah diajukan pada kami, mudah-mudahan sama-sama kita dirahmati Allah ﷺ.

Untuk makluman puan, keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa ke-87, Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Islam pada 23-25 Jun 2009, telah dinyatakan iaitu:

“Setelah meneliti keterangan, hujah-hujah dan pandangan yang dikemukakan, Muzakarah berpandangan bahawa di dalam Islam **harta-harta yang diperolehi dengan cara yang tidak mematuhi syariah seperti riba, gharar, perjudian, penipuan, rompakan, rampasan, rasuah**

dan seumpamanya adalah **haram** dan tidak boleh digunakan untuk manfaat dan kepentingan diri sendiri serta perlu dibersihkan melalui kaedah-kaedah berikut:

1. Diserahkan kepada Baitulmal untuk maslahah- maslahah umum umat Islam seperti membiayai pembinaan atau penyelenggaraan jambatan, jalan, tandas dan seumpamanya;
2. Diserahkan kepada golongan fakir miskin; atau
3. Jika harta tersebut merupakan harta rompakan, curi dan seumpamanya, maka harta tersebut perlu diserahkan semula kepada pemiliknya. Jika pemiliknya telah meninggal dunia atau tidak dapat dijumpai, maka harta tersebut mestilah dikembalikan kepada ahli warisnya. Sekiranya tidak dapat diketahui pemilik atau ahli waris pemilik, maka harta tersebut hendaklah diserahkan kepada Baitulmal”.

Maka berdasarkan soalan yang diajukan oleh pihak puan, kami berpandangan **tidak harus** puan mengagihkannya sendiri kepada fakir miskin, sekiranya puan tidak mengenali secara jelas orang yang hendak diberi itu samaada fakir dan miskin atau disebaliknya, tidak mengira keluaga atau sesiapa sahaja. Jika puan mengenali secara jelas status orang yang hendak diberi itu memang kategori fakir dan miskin, maka **harus** puan memberinya. Tetapi alangkah baiknya puan memberikan wang tak patuh syariah tersebut kepada Baitulmal, kerana Baitulmal boleh mengagihkan harta tersebut dengan lebih meluas lagi tanpa dibataskan dengan hanya untuk fakir miskin sahaja seperti mana yang dinyatakan dalam keputusan Muzakarah di atas.

Yang dimaksudkan dengan fakir dan miskin ialah :

Fakir: Seseorang yang tidak mempunyai apa-apa harta atau pekerjaan atau menerima pendapatan dari sumber-sumber lain yang jumlahnya tidak sampai 50 peratus daripada keperluan harian dan keperluan tanggungannya dan tidak sampai 50 peratus daripada belanja hidup seseorang yang hidup sederhana dan orang-orang tanggungan.

Miskin: Seseorang yang mempunyai pekerjaan atau hasil usaha yang hanya memenuhi sebahagian keperluan asasinya tetapi tidak mencukupi untuk menampung keperluan harian dan juga menampung orang-orang tanggungannya.

Rujukan :

- 1) Muzakarah Jawatankuasa Fatwa ke-87, Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Islam pada 23-25 Jun 2009.
- 2) <https://muftiwp.gov.my/artikel/al-kafi-li-al-fatawi/1252-al-kafi-416-beza-antara-fakir-dan-miskin>.